



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

3hb Jun 2004

No. 12

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK), 1960
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT, 1960
(Act 530)

No. 405.

PERISYTIHARAN KAWASAN-KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK
DI BAWAH SEKSYEN 4

DECLARATION OF GROUP SETTLEMENT AREAS
UNDER SECTION 4

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam pelan PA 74902 CALS dan PA 74904 CALS iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan FELCRA Keruak III A bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

In exercise of the powers conferred by Section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in Schedule hereto in plan PA 74902 CALS and PA 74904 CALS the plan which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Areas which is to be known as Rancangan FELCRA Keruak III A for the purpose of the said Act to be developed by Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA).

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Besut. Mukim—Hulu Besut. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan FELCRA Keruak III A. Anggaran Keluasan/Approximate Area—665.49 hektar/hectares.

Bertarikh 15 Mac 2004.

Dated 15 March 2004.

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

PTG. TR. 00/42/2003/B/004;

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 7.]

AZMI BIN MOKTAR,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Terengganu/

Clerk of Council,

Terengganu

No. 406.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam pelan PA 74914 CALS iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan FELCRA Keruak IV bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

In exercise of the powers conferred by Section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in Schedule hereto in plan PA 74914 CALS the plan which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Areas which is to be known as Rancangan FELCRA Keruak IV for the purpose of the said Act to be developed by Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA).

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Besut. Mukim—Hulu Besut. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan FELCRA Keruak IV. Anggaran Keluasan/Approximate Area—203.8 hektar/hectares.

Bertarikh 15 Mac 2004.

Dated 15 March 2004.

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

PTG. TR. 00/42/2003/B/006;

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 7.]

AZMI BIN MOKTAR,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Terengganu/

Clerk of Council,

Terengganu

No. 407.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam pelan PW 744 iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

In exercise of the powers conferred by Section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in Schedule hereto in plan PW 744 the plan which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Areas which is to be known as Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II for the purpose of the said Act to be developed by Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA).

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Hulu Terengganu. Mukim—Jenagor. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II. Anggaran Keluasan/Approximate Area—420.4 hektar/hectares.

Bertarikh 22 April 2004.

AZMI BIN MOKTAR,

Dated 22 April 2004.

Setiausaha,

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

PTG. TR. 00/42/2002/B/003;

Terengganu/

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 7.]

Clerk of Council,

Terengganu

No. 408.

PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN LUAR BANDAR
DI BAWAH SEKSYEN 5 (1)

DECLARATION OF RURAL SETTLEMENT AREA
UNDER SECTION 5 (1)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 5 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam pelan PW 745 iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Luar Bandar yang dikenali sebagai Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

In exercise of the powers conferred by Section 5 (1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in the Schedule hereto in plan PW 745 the plan which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Rural Settlement Areas which is to be known as Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II for the purpose of the said Act to be developed by Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA).

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Hulu Terengganu. Mukim—Jenagor. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II. Anggaran Keluasan/Approximate Area—420.4 hektar/hectares.

Bertarikh 22 April 2004.

AZMI BIN MOKTAR,

Dated 22 April 2004.

Setiausaha,

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

PTG. TR. 00/42/2002/B/003;

Terengganu/

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 7.]

Clerk of Council,

Terengganu

No. 409.PERISYTIHARAN KAWASAN PENEMPATAN BANDAR
DI BAWAH SEKSYEN 6DECLARATION AN URBAN SETTLEMENT AREA
UNDER SECTION 6

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman dengan ini mengisytiharkan kawasan yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam pelan PW 746 iaitu pelan yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Bandar yang dikenali sebagai Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II bagi maksud Akta tersebut dan akan dimajukan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA).

In exercise of the powers conferred by Section 6 of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, the State Authority of Terengganu Darul Iman hereby declares the described area in the Schedule hereto in plan PW 746 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be an Urban Settlement Area to be known as Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II for the purpose of the said Act to be developed by Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA).

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Hulu Terengganu. Mukim—Jenagor. Nama Rancangan/Name of Scheme—Rancangan FELCRA Bukit Kapah Peringkat II. Anggaran Keluasan/ Approximate Area—80.14 hektar/hectares.

Bertarikh 22 April 2004.

Dated 22 April 2004.

[SUK. TR. 1130/8/4 Bhg. 4;

PTG. TR. 00/42/2002/B/003;

PUN. TR. 70 SJ. 3 BHG. 7.]

AZMI BIN MOKTAR,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Terengganu/

Clerk of Council,

Terengganu

No. 410.

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 44 (1)

DECLARATIONS UNDER SECTION 44 (1)

BAHAWASANYA, menurut Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu No. 325 bertarikh 29 Ogos 1963 dan No. 1077 bertarikh 3 Disember 1998, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 dan 5 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 telah mengisytiharkan bahawa kawasan yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam Pelan Bilangan DLP 122 dan PW 470 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan Tanah Pinggir Kampung Getang bagi maksud Akta tersebut.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 44 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dengan ini mengisytiharkan bahawa sekeping tanah seluas 90.92 hektar yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam Pelan Bilangan DLP 122 dan PW 470 yang terletak dalam kawasan Penempatan Berkelompok tersebut hendaklah terhenti menjadi Rancangan Tanah Pinggir Kampung Getang bagi maksud Akta tersebut.

WHEREAS, by Terengganu Government *Gazette* Notification No. 325 dated 29 August 1963 and No. 1077 dated 3 December 1998, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers conferred by Section 4 and 5 (1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 had declared the area delineated in grey in Plan No. DLP 122 and PW 470 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Area to be known as Rancangan Tanah Pinggir Kampung Getang for the purpose of the said Act.

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by Section 44 (1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, hereby declares that the parcel of land having an area of 90.92 hectares and delineated in grey in Plan No. DLP 122 and PW 470 which is situated in the said group shall cease to be Rancangan Tanah Pinggir Kampung Getang for the purpose of the said Act.

JADUAL/SCHEDULE

Perisytiharan Penamatan Kawasan Penempatan Berkelompok/
Declaration of Termination A Group Settlement Area

Daerah/District—Hulu Terengganu. Mukim—Kuala Telemong. Nama Rancangan/
Name of Scheme—Rancangan Tanah Pinggir Kampung Getang. Anggaran
Keluasan/Approximate Area—90.92 hektar/hectares. Bil. Pelan/Plan No.—
DLP 122 dan PW 470.

Bertarikh 22 April 2004.

Dated 22 April 2004.

[SUK. TR. 1130/8/4/ Bhg. 4;

PTG. TR. (PLB) 90/62 SJ 4F;

PUN. TR. 70 Sj. 3 Bhg. 7.]

AZMI BIN MOKTAR,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Terengganu/

Clerk of Council,

Terengganu

No. 411.

BAHAWASANYA, menurut Pemberitahuan *Warta* Kerajaan Negeri Terengganu No. 458 bertarikh 27 November 1963 dan No. 207 bertarikh 22 April 1999, Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 dan 5 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 telah mengisytiharkan bahawa kawasan yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam Pelan Bilangan DLP 110 dan PW 620 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Terengganu menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Rancangan Tanah Pinggir Bukit Che Hawa bagi maksud Akta tersebut.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 44 (1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, dengan ini mengisytiharkan bahawa sekeping tanah seluas 54.61 hektar yang dipetakan dengan warna kelabu di dalam Pelan Bilangan DLP 110 dan PW 620 yang terletak dalam kawasan Penempatan Berkelompok tersebut hendaklah terhenti menjadi Rancangan Tanah Pinggir Bukit Che Hawa bagi maksud Akta tersebut.

WHEREAS, by Terengganu Government *Gazette* Notification No. 458 dated 7 November 1963 and No. 207 dated 22 April 1999, the State Authority of Terengganu Darul Iman in exercise of the powers conferred by Section 4 and 5 (1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 had declared the area delineated in grey in Plan No. DLP 110 and PW 620 which is deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Terengganu to be a Group Settlement Area to be known as Rancangan Tanah Pinggir Bukit Che Hawa for the purpose of the said Act.

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by Section 44 (1) of the Land (Group Settlement Areas) Act, 1960, hereby declares that the parcel of land having an area of 54.61 hectares and delineated in grey in Plan No. DLP 110 and PW 620 which is situated in the said group shall cease to be Rancangan Tanah Pinggir Bukit Che Hawa for the purpose of the said Act.

JADUAL/SCHEDULE

Perisytiharan Penamatan Sebahagian Kawasan Penempatan Berkelompok/
Declaration of Termination Part Of Group Settlement Area

Daerah/District—Dungun. Mukim—Abang. Nama Rancangan/Name of Scheme—
Rancangan Tanah Pinggir Bukit Che Hawa. Anggaran Keluasan/Approximate
Area—54.61 hektar/hectares. Bil. Pelan/Plan No.—DLP 110 dan PW 620.

Bertarikh 22 April 2004.

Dated 22 April 2004.

[SUK. TR. 1130/8/4/ Bhg. 4;

PTG. TR. 90/62 SJ. 3D;

PUN. TR. 70 Sj. 3 Bhg. 7.]

AZMI BIN MOKTAR,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Terengganu/

Clerk of Council,

Terengganu

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 412.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Endong binti Ismail K/P. 370110-11-5166 yang beralamat di d/a No. 3735, Kampung Duyong Besar, 21300 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Telemong. No. Lot—724. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 5066. Luas—29.466 hektar.

Bertarikh 29 April 2004.

[PTG. TR. 03/55/2004/B/001 (2).]

KAMALUDIN BIN ISMAIL,

Pendaftar Hakmilik,

Terengganu

No. 413.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Abd. Rahman bin Abdullah K/P. 450112-02-5113 Peguambela & Peguamcara yang menjalankan amali di Tetuan Abdullah, Abd. Rahman & Co. yang beralamat di d/a No. 12-1, Tingkat 1, Jalan Engku Pengiran Anom 2, Kompleks Perdana, 20300 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Mercang. No. PT.—G 16. Jenis dan No. Hakmilik—HS(D). 34. Luas—6.1836 hektar.

Bertarikh 29 April 2004.
[PTG. TR. 06/55/2004/B/001 (2).]

KAMALUDIN BIN ISMAIL,
Pendaftar Hakmilik,
Terengganu

No. 414.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Razak bin Awang K/P. 560331-11-5255 (4943511) yang beralamat di No. 1478-A, Kampung Durian Burung, 20050 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Kubang Parit. No. Lot—1775 dan 478. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1004 dan GM. 1980. Luas—0.0946 hektar dan 0.4702 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 14/55/2004/A/039.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 415.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Yusof bin Puteh K/P. 630125-11-5175 (6990895) yang beralamat di No. 16029, Kampung Tok Jiring, 21060 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Kuala Nerus. No. Lot—8657 dan 8732. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 368 dan GM. 322. Luas—0.6119 hektar dan 1.0219 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 12/55/2004/A/042.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 416.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohd. bin A. Bakar K/P. 320912-11-5015 yang beralamat di No. 1240-1, Kampung Baru Kanan, Kemasek, 24200 Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Kuala Nerus. No. Lot—AA 442/57. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 63. Luas—0.960 ekar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 12/55/2004/A/038.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 417.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Lijah binti Abu Bakar K/P. 310605-11-5200 yang beralamat di Kampung Kedai Buloh, 21070 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Atas Tol. No. Lot—401. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 242. Luas—0.2327 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 01/55/2004/A/040.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 418.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mek Ngah binti Ibrahim K/P. 371031-11-5082 yang beralamat di No. 23, Kampung Gelong Gajah, Maras, Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Batu Rakit. No. Lot—6117. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 4680. Luas—0.1797 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 03/55/2004/A/033.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 419.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Wan Ngah bin Jusoh K/P. 251028-11-5069 (3800832) yang beralamat di No. 182, Kampung Kuala Belara, Manir, 21200 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Belara. No. Lot—3437. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1050. Luas—1.1481 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 04/55/2004/A/041.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 420.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Omar bin Abdullah K/P. 411016-11-5029 yang beralamat di No. 2671, Kampung Buloh Gading, Manir, 21200 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan tanah yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Manir. No. Lot—1328. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1943. Luas—0.2606 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTK. TR. 16/55/2004/A/045.]

HAJI RASHID BIN ALI,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kuala Terengganu

No. 421.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Ali bin Haji Abdullah K/P. 290614-11-5143 yang beralamat di No. 69 A, Kampung Telaga Mengkudu, Bukit Payong, 21400 Marang, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Bukit Payong. No. Lot—1608. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1487. Luas—0.2780 hektar.

Bertarikh 28 April 2004.
[PTM. 02/55/2004/0003.]

ROSLI BIN LATIF,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 422.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Siah binti Sulaiman K/P. 530127-11-5170 yang beralamat di No. 59, FELDA Kesumba, Jengka 9, 26400 Bandar Jengka, Pahang kerana menggantikan keterangan asal yang rosak sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Bukit Payong. No. Lot—4877. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 5641. Luas—0.5107 hektar.

Bertarikh 28 April 2004.
[PTM. 02/55/2004/0004.]

ROSLI BIN LATIF,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 423.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Abdul Aziz bin Long K/P. 420713-11-5125 yang beralamat di d/a No. 882, Jalan Haji Busu Batu Burok, 20400 Kuala Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Pulau Kerangga. No. Lot—4232. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1741. Luas—3,874 meter persegi.

Bertarikh 28 April 2004.
[PTM. 05/55/2004/0004.]

ROSLI BIN LATIF,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 424.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuan diikrarkan hilang oleh Ngah bin Ismail K/P. 390811-11-5255 yang beralamat di No. 1950, Kampung Gelugor Kedai, 20050 Kuala Terengganu.

JADUAL

Mukim—Pengkulu Diman. No. Lot/PT.—3074. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1467. Luas—0.1727 hektar.

Bertarikh 21 April 2004.
[PHT. 07/55/2004/A/004.]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 425.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuan diikrarkan hilang oleh Wan Ahmad bin Che Wan Da K/P. 550724-11-5177 yang beralamat di No. 2, Lorong Kubang Buaya 84, Medan Tok Sera, 25050 Kuantan, Pahang.

JADUAL

Mukim—Tersat. No. Lot/PT.—576. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1024. Luas—0.6109 hektar.

Bertarikh 21 April 2004.
[PHT. 09/55/2004/A/003.]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 426.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Akuan diikrarkan hilang oleh Ahmad Faris bin Shafiee K/P. 711024-11-5015 yang beralamat di No. 6476, Lorong Pertam, Gong Pasir, 23000 Dungun, Terengganu.

JADUAL

Mukim—Kuala Berang. No. Lot—8124. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 4325. Luas—426 meter persegi.

Bertarikh 21 April 2004.
[PHT. 05/55/2004/A/004.]

MOHD. RAZIF BIN ABDUL MAJID,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 427.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Nazri Ismaili bin Haji Mohd. yang beralamat di No. Lot 3270, Kampung Petaling Jalan Kelantan, 21060 Kuala Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Bukit Kenak. No. Lot/Petak/PT.—2228 dan 2227. Jenis dan No. Hakmilik—MG. 174 dan MG. 175. Luas—0.0747 hektar dan 8,897 meter persegi.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 01/55/2004/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 428.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Nazri Ismaili bin Haji Mohd. yang beralamat di No. Lot 3270, Kampung Petaling Jalan Kelantan, 21060 Kuala Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Besut. No. Lot/Petak/PT.—720. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 312. Luas—0.697 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 08/55/2004/0001.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 429.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Fatimah Shaerah binti Haji Hassan yang beralamat di No. 4310-X, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Lubok Kawah. No. Lot/Petak/PT.—3156. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 970. Luas—929 meter persegi.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 10/55/2004/0004.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 430.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Nazri Ismaili bin Haji Mohd. yang beralamat di No. Lot 3270, Kampung Petaling Jalan Kelantan, 21060 Kuala Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kampung Raja. No. Lot/Petak/PT.—1391. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 1582. Luas—0.4046 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 05/55/2004/0005.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 431.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh W. Fazliyaton binti W. Husain yang beralamat di No. 21 A, Kampung Alor Lintah, 22000 Jerneh, Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kubang Bemban. No. Lot/Petak/PT.—378. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 311. Luas—1,848 meter persegi.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 09/55/2004/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 432.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohd. Nazri Ismaili bin Haji Mohammad yang beralamat di No. Lot 3270, Kampung Petaling, Jalan Kelantan, 21060 Kuala Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Jabi. No. Lot/Petak/PT.—220, 221, 2605 dan 3458. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1646, KRM. 1645, KRM. 1618 dan GM. 265. Luas—3.1464 hektar, 0.1971 hektar, 2.6453 hektar dan 1.6741 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 04/55/2004/0004.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 433.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mustafa bin Jusoh yang beralamat di No. Lot 1488, Jalan Tanjung Demong, Bukit Keluang, 22200 Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Bukit Puteri. No. Lot/Petak/PT.—1653. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1623. Luas—0.7968 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 02/55/2004/0004.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 434.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mansur bin Hassan yang beralamat di No. 424, Jalan Haji Mohd., 22300 Kuala Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Besut. No. Lot/Petak/PT.—2658. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 1802. Luas—673 meter persegi.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 08/55/2004/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 435.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mek Embong binti Yaacob yang beralamat di No. 52 B, Sg. Patong, Bukit Payong, 22000 Jerneh, Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Tenang. No. Lot/Petak/PT.—1873. Jenis dan No. Hakmilik—PM 279. Luas—1,817 meter persegi.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 16/55/2004/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 436.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mansur bin Hassan yang beralamat di No. 424, Jalan Haji Mohd., 22300 Kuala Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Besut. No. Lot/Petak/PT.—300. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 922. Luas—0.0708 hektar.

Bertarikh 27 April 2004.
[PTB. 08/55/2004/0003.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 437.

SAMAN-SAMAN

(Seksyen 261 (1))

Di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Bank Pertanian Malaysia, Pemegang Gadaian.

DAN

Meriam binti Osman K/P. 1714080, Penggadai.

Kepada Meriam binti Osman K/P. 1714080 yang beralamat di No. 55 B, Kampung Paya Bunga, 20000 Kuala Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 27 Julai 2004 jam 10.00 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah II, Pejabat Tanah Hulu Terengganu. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/Petak/ PT.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah	No. Berdaftar Gadaian
Kuala Telemong	2576	GM. 693	Semua	No. Perserahan 205/1995; Folio 24; Jilid 1.
Hulu Telemong	4477	GM. 2862	Semua	No. Perserahan 205/1995; Folio 24; Jilid 1.

Bertarikh 28 April 2004.
[PTHT. 06/53/2000/0001.]

ADNAN BIN ABDULLAH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 438.

Di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pemegang Gadaian.

DAN

Tuan Sulong bin Kaderi K/P. 240927-11-5077, Penggadai.

Kepada Tuan Sulong bin Kaderi K/P. 240927–11–5077 yang beralamat di No. 67–A, Kampung Kuala Pueh, 21700 Kuala Berang.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 26 Julai 2004 jam 10.00 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah II, Pejabat Tanah Hulu Terengganu. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Jenagor. No. Lot/Petak/PT.—519. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1234. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 95/2000.

Bertarikh 28 April 2004.
[PTHT. 04/53/2004/001.]

ADNAN BIN ABDULLAH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 439.

Di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Affin Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

DAN

Syed Ahmad Nor Din bin Syed Azam K/P. 5979918, Penggadai.

Kepada Syed Ahmad Nor Din bin Syed Azam K/P. 5979918 yang beralamat di Kampung Padang Paloh, 20050 Kuala Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara supaya PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 26 Julai 2004 jam 9.30 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah II, Pejabat Tanah Hulu Terengganu. Tuan/puan adalah dikehendaki HADIR.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Telemong. No. Lot/Petak/PT.—3053. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1312. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 679/2000.

Bertarikh 28 April 2004.
[PHT. 06/53/2002/0001.]

ADNAN BIN ABDULLAH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 440.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Adnan bin Abdullah, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong Tanah/Bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual;

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

(a) bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 28 Jun 2004 di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu jam 10.00 pagi.

(b) harga rizab bagi maksud jualan ini ialah RM65,000.00.

2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM56,304.07 (Nama pemegang gadaian Southern Bank Berhad).

3. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:

(a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah Hulu Terengganu dalam bentuk Bank Deraf atau Cashier Order di atas nama pemegang gadaian bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di para 1 (b), di atas iaitu sebanyak RM6,500.00 bagi HS(M). 2414 Lot 6950 dan tidak lewat daripada 15 minit sebelum lelongan.

(b) Bayaran penuh jualan lelong boleh dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.

(c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka—

(i) jumlah bayaran yang diterima di para 3 (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.

(ii) sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadi bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadi kepada pemegang gadaian.

- (d) baki harga lelongan hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 26 Oktober 2004 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
- (e) di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadaian akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara Seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Berang. No. Lot/Petak/PT.—6950. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 2414. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 448/2002.

Bertarikh 26 Februari 2004.
[PHT. 05/53/2003/001.]

ADNAN BIN ABDULLAH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Hulu Terengganu

No. 441.

(Section 257 and 263)

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF THE CHARGEЕ

I, Wan Mohd. Faizul bin Wan Abas, Land Administrator in exercise of the powers conferred by Section 263 of the National Land Code, hereby order the sale of the land/undivided share in the land/lease/sub-lease described in the Schedule below;

And I further order—

- (a) that the sale shall be by public auction, to be held on the 27 October 2004 at 10.30 forenoon in Pejabat Tanah, Kemaman; and
 - (b) that the reserve price for the purpose of the sale shall be RM22,000.00 (Ringgit Malaysia: Twenty two thousand).
2. I find that the amount due to the chargee at this date is RM34,521.46 (4 April 2004) (Name of Chargee is Southern Bank Berhad).
3. The sale shall be subject to the following conditions:
- (a) the bidder possesses, the sum equivalent to ten per centum of the reserve price specified under paragraph 1 (b) above:
RM2,200.00 (Ringgit Malaysia: Two thousand and two hundred).
 - (b) the full amount of the purchase price may be paid immediately after the fall of the hammer by the successful bidder to the chargee;
 - (c) where the full amount of the purchase price is not paid after the fall of the hammer by the successful bidder—
 - (i) then the sum specified in paragraph (a) shall be paid to the chargee and it shall be retained as a deposit until the full purchase price has been paid; and
 - (ii) pending the settlement of the balance of the purchase price, the sum specified in sub-paragraph (i) shall be credited into the amount of the chargor for the purpose of reducing the amount due to the chargee.

- (d) the balance of the purchase price shall be settled within a date not later than one hundred and twenty days from the date of the sale, that is, not later than the 24 February 2005 and there shall be no extension of the period so specified; and
- (e) where the full purchase price is not settled on or by the date specified in paragraph (d), the sum paid as deposit under paragraph (c) to the chargee shall be forfeited and disposed of in the manner specified under Section 267.

SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim—Kijal. Lot No.—3870 and 3871. Description and No. of Title—GM. 2655 and GM. 2656. Share of Land (if any)—All shares. Registered No. of Charge (if any)—No. Perserahan 1778/2001.

Dated 7 April 2004.
[PTK. 09/53/2003/0064 – (16).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
Land Administrator,
Kemaman

No. 442.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Rosli bin Latif, Penolong Pentadbir Tanah, Marang, setelah menjalankan siasatan atas pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut itu dan puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 22 Jun 2004 jam 10. 30 pagi di Pejabat Tanah, Marang.
- (b) bahawa harga serendah-rendahnya bagi maksud jualan itu ialah RM68,000.00.

2. Saya dapati bahawa jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM64,901.89 (10.5.2004).

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Alur Limbat. No. PT.—1876P. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 1066. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 761/1999.

Bertarikh 11 Mei 2004.
[PTM. 01/75/2003/0001.]

ROSLI BIN LATIF,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 443.

PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Kali Pertama.

Dalam perkara Seksyen 263, Kanun Tanah Negara 1965.

Di antara

Southern Bank Berhad, Pemegang Gadaian.

Dan

Jeffri bin Mat Yasim @ Mat Yaman K/P. 720630-11-5175, Peggadai.

Menurut perintah Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu yang diperbuat pada 26 Februari 2004 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.

Akan menjual secara lelongan awam pada 28 Jun 2004 jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Hulu Terengganu.

Nota: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat pencarian geran secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut.

Butir-butir Hakmilik:

No. Hakmilik	:	HS(M). 2414.
No. Lot	:	6950.
Cukai Tahunan	:	RM10.00.
Keluasan Tanah	:	130 meter persegi.
Mukim	:	Kuala Berang.
Tempat	:	Sungai Petai.
Pegangan	:	Kekal/Selama-lamanya.
Kawasan Rizab	:	Tanah Orang Melayu.
